

# Unimas menang lapan pingat

13 Oct 27 UM

KUCHING 12 Okt. – Universiti Malaysia Sarawak (Unimas) memenangi dua pingat emas, satu perak dan lima gangsa di Pameran R&D IPTA 2005 yang berlangsung di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Pameran dua tahun sekali itu mengetengahkan 406 ciptaan dari 18 buah institusi pengajian tinggi awam (IPTA) di Malaysia.

Unimas dalam kenyataannya di sini hari ini, berkata, universiti itu mempamerkan 12 produk dan lapan daripadanya berjaya menggondol pingat.

Di samping itu, katanya, Unimas juga memenangi piala khas iaitu *Best Booth Award* yang disediakan oleh penganjur.

Penyertaan yang memenangi pingat emas ialah *Biokomposit sisa sagu untuk hiasan dalaman* oleh Dr. Khairul Aidil Azlin Abd. Rahman dan *Pakaian pesakit di wad hospital* oleh Dr. Nazlina Shaari.

**UTUSAN MALAYSIA**  
**13 OKTOBER 2007**